



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

## Akta 66

# AKTA JAMINAN PINJAMAN 1972

*Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006*

DITERBITKAN OLEH  
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA  
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968  
SECARA USAHA SAMA DENGAN MALAYAN LAW JOURNAL SDN BHD  
DAN PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD  
2006

**AKTA JAMINAN PINJAMAN 1972**

Tarikh Perkenan Diraja ... .. 26 Februari 1972

Tarikh penyiaran dalam *Warta*... .. 29 Februari 1972*CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU**Cetakan Semula Yang Pertama* ... .. 1993*Cetakan Semula Yang Kedua* ... .. 1999

DISEDIAKAN UNTUK PENERBITAN OLEH  
MALAYAN LAW JOURNAL SDN BHD  
DAN DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN KUALA LUMPUR  
2006



**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 66****AKTA JAMINAN PINJAMAN 1972**

---

**SUSUNAN SEKSYEN**

---

## Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Peruntukan Akta 410 yang terpakai bagi pinjaman
3. Pengesahan perjanjian jaminan
4. Peluasan bagi syarikat lain

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 66

#### AKTA JAMINAN PINJAMAN 1972

Suatu Akta bagi membuat peruntukan supaya peruntukan tertentu dalam Akta Pinjaman (Bank Pembangunan Asia) 1968 terpakai bagi sesuatu jaminan oleh Persekutuan terhadap pinjaman yang diberikan oleh Bank Pembangunan Asia kepada Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad dan bagi perkara yang bersangkutan dengannya.

[1 Mac 1972]

**MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

#### Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Jaminan Pinjaman 1972.

#### Peruntukan Akta 410 yang terpakai bagi pinjaman

2. (1) Peruntukan yang berikut dalam Akta Pinjaman (Bank Pembangunan Asia) 1968, iaitu:

- (a) seksyen 7 (yang memberi kuasa kepada Kerajaan untuk memberikan jaminan dan aku janji berkenaan dengan wang yang dipinjam oleh pihak berkuasa berkanun daripada Bank Pembangunan Asia); dan
- (b) setakat yang berhubungan dengan jaminan dan aku janji oleh Kerajaan, seksyen 11 dan 12 (yang mengandungi peruntukan tambahan bagi pelaksanaan, antara lain, mana-mana jaminan atau aku janji tersebut) kecuali bahawa perkataan "1950" dalam subseksyen 12(5) hendaklah digantikan dengan perkataan "1960",

hendaklah terpakai berhubung dengan sesuatu peminjaman daripada Bank itu oleh syarikat yang bernama Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad seolah-olah syarikat itu ialah suatu pihak berkuasa berkanun dalam erti Akta itu, dan peminjaman itu adalah dibuat di bawah subseksyen 5(1) Akta itu.

(2) Jika apa-apa wang dibayar daripada Kumpulan Wang Disatukan berkenaan dengan apa-apa tanggungan yang dilakukan oleh Kerajaan menurut subseksyen (1), maka Menteri hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh, bermula dari persidangan Dewan Rakyat sebaik selepas wang itu telah dibayar dan berakhir dengan tahun kewangan di mana segala tanggungan berkenaan dengannya dan apa-apa bunga yang kena dibayar atasnya diselesaikan dengan muktamad oleh syarikat itu, membentangkan dalam Dewan Rakyat pada tiap-tiap persidangannya suatu penyata yang berhubungannya.

(3) Perenggan 12(2)(a) dan (b) tersebut (yang memperuntukkan pengecualian daripada cukai dan kawalan pertukaran) hendaklah juga terpakai berhubung dengan sesuatu perjanjian yang dibuat, sama ada sebelum atau selepas Akta ini diluluskan, dengan Bank itu oleh syarikat itu, dengan kelulusan Kerajaan, berkenaan dengan sesuatu peminjaman oleh syarikat itu daripada Bank itu, dan bagi sesuatu bon, surat janji hutang atau surat cara yang dikeluarkan oleh syarikat itu menurut mana-mana perjanjian itu, sebagaimana ia terpakai bagi perjanjian dan surat cara yang disebut dalamnya itu.

### **Pengesahan perjanjian jaminan**

3. Perjanjian jaminan yang dahulu daripada ini yang dibuat antara Kerajaan atas nama Persekutuan dengan Bank itu dengan ini diratifikasi dan disahkan dalam segala perkara dan hendaklah berkuat kuasa bagi segala maksud seolah-olah Akta ini telah berkuat kuasa pada tarikh itu dan perjanjian itu telah dibuat dan disempurnakan dengan sepatutnya pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh atau di bawah Akta ini.

### **Peluasan bagi syarikat lain**

4. Jika suatu ketetapan diluluskan oleh Dewan Rakyat bahawa seksyen 2 Akta ini hendaklah terpakai bagi sesuatu syarikat, sebagaimana peruntukan itu terpakai bagi Syarikat Permodalan

Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad, maka Menteri boleh, melalui Perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengisytiharkan bahawa peruntukan tersebut dalam Akta itu hendaklah terpakai bagi syarikat itu.

---

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 66

AKTA JAMINAN PINJAMAN 1972

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
-------------------------------	---------------	-----------------------

- TIADA -

---

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
---------	---------------	-----------------------

- TIADA -

---